

Rujukan Kami : UTHM/FPTP/500-16/4 Jld. 5 (76)
Rujukan Tuan :
Tarikh : 13 Ogos 2025

En. Mohd Azwan bin Mohd Salleh

Ketua Pengarah
Malaysia Productivity Corporation (MPC) Southern Region Office 8
Jalan Padi Mahsuri
Bandar Baru Uda
81200 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

Tuan,

PERMOHONAN PENYEDIAAN KURSUS *CERTIFIED PRODUCTIVITY PRACTITIONER*

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Fakulti ingin membuat permohonan daripada pihak Malaysia Productivity Corporation (MPC) untuk mempertimbangkan penyediaan kursus ***Certified Productivity Practitioner*** kepada pelajar-pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Berdasarkan perbincangan terdahulu, pihak Fakulti memohon pihak MPC dapat merangka kandungan kursus merangkumi topik-topik yang bersesuaian dengan skop pelajar-pelajar program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran dan Operasi) pada kos yang minima berdasarkan perbincangan dan persetujuan kedua-dua pihak dari semasa ke semasa.

3. Untuk makluman pihak Tuan, kursus ini diharap dapat membantu dalam meningkatkan pengetahuan terkini dalam bidang produktiviti yang menjurus kepada asas Program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran dan Operasi). Selain itu, pelajar dapat mengaplikasikan teknologi dan kemahiran baharu yang bertepatan dalam bidang yang berkaitan pengeluaran dan operasi dan di akhir kursus, pelajar memperoleh pengiktirafan dan diperakui dalam bidang berkaitan program berdasarkan sijil kompetensi pihak MPC.

4. Selain itu juga, kursus ini akan melibatkan sejumlah pelajar Program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran dan Operasi) yang akan dikenalpasti dari semasa ke semasa. Tarikh dan tempat pelaksanaan juga akan ditentukan berdasarkan perbincangan dan persetujuan kedua-dua pihak. Pihak Fakulti berharap agar permohonan ini dapat dipertimbangkan dan pihak kami bersedia untuk memberikan maklumat lanjut jika diperlukan.

.../2

UTHM/FPTP/500-16/4 Jld. 5 (76)

Kerjasama dan sokongan daripada pihak Tuan mengenai perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih

Sekian.

"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MALAYSIA MADANI"

Yang benar,



PROF. MADYA DR. MD ASRUL NASID BIN MASROM
Dekan
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
☎ 453 7512

MANM/bak/17.10.2025/Latihan/Kursus/Persidangan/Seminar/Bengkel Anjuran Luar UTHM (Dalam Negeri)